



**BERSIH...** pelajar membersihkan sekitar kampung.

# Bersih kampung

**H**ULU LANGAT: “Walau-pun tidak boleh menolong, saya harap mampu memberi semangat kepada rakan senior,” kata Suhazli Muhamad, 20, pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) yang turut terbabit dalam program gotong-royong pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama penduduk Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Padang, di sini, semalam.

Suhazli yang dilahirkan

tanpa kedua-dua lengan dan kaki antara 67 pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi (FSKTM) UPM yang terbabit dalam program kemasyarakatan di kampung itu yang berakhir hari ini.

“Dengan keadaan fizikal seperti ini, saya tak boleh bantu mereka buat kerja. Namun, saya hadir sebagai tanda sokongan kepada pensyarah dan rakan,” kata pelajar tahun satu Sistem Maklumat itu.